



**JABATAN PERTANIAN**

*Department of Agriculture*

Unit Komunikasi Korporat

Aras 14 & 17, Blok 4G2, Wisma Tani

No. 30 Persiaran Perdana, Presint 4

62624 PUTRAJAYA

MALAYSIA

Telefon : 603-8870 3050/3038

Faks : 603-8870 3044

E-mel : [pro@doa.gov.my](mailto:pro@doa.gov.my)

Portal Rasmi : [www.doa.gov.my](http://www.doa.gov.my)

---

## **SIARAN MEDIA**

### **LAMAN FLORIKULTUR “MAGICA GARDEN” SERIKAN MAHA 2026: PERKASAKAN INDUSTRI FLORIKULTUR SEBAGAI SEKTOR BERNILAI TINGGI**

**SERDANG, 30 Ogos 2026** – Laman Florikultur “Magica Garden” Jabatan Pertanian secara rasminya dilancarkan sempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2026 yang berlangsung di MAEPS, Serdang. Majlis perasmian ini telah disempurnakan oleh YABhg. Dato’ Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail.

Laman Florikultur pada kali ini tampil unik berteraskan tema “Magica Garden” yang mempamerkan 12 elemen tumpuan utama serta 101 jenis tanaman bunga-bunga, tanaman hiasan dan tanaman edibel. Angka 101 ini dipilih khas sebagai simbolik penghormatan kepada 101 Tahun Sambutan MAHA. Selain menampilkan reka bentuk landskap estetika tinggi, lokasi fotografi menarik (OOTD) dan limpahan cahaya artistik pada sebelah malam.

YABhg. Dato’ Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail dalam ucapan perasmianya menegaskan bahawa industri florikultur merupakan subsektor pertanian bernilai tinggi yang memberi sumbangan makro secara signifikan kepada sektor pertanian. Bagi tempoh 2018 hingga 2024, sektor florikultur telah menyumbang RM3.1 bilion kepada nilai eksport keseluruhan negara, sekali gus meletakkan Malaysia di kedudukan ke-10 pengeksport florikultur utama dunia serta peneraju di rantau ASEAN.

Menurut Ketua Pengarah Pertanian, YBhg. Dato’ Nor Sam binti Alwi, industri florikultur bukan sekadar tarikan visual, malah merupakan pemacu ekonomi yang menunjukkan pertumbuhan konsisten. “Pada tahun 2024, nilai pengeluaran domestik florikultur merekodkan RM250.3 juta (peningkatan 3.05% berbanding 2023), manakala nilai eksport tahunan mencapai RM415.1 juta (peningkatan 2.44%). Antara pasaran eksport utama bunga-bunga tempatan termasuklah Jepun, Thailand, Australia, Singapura, Hong Kong dan Taiwan,” jelas beliau lagi.

Dalam majlis yang sama, YABhg. Dato' Seri Dr. Wan Azizah turut menyaksikan Penyampaian Cek Cura Inisiatif Program Pemerkasaan Agromakanan Negara (PPAN) – Pengukuhan Pembangunan Industri Florikultur bernilai RM800,000 kepada 22 orang pengusaha tempatan. Bantuan inisiatif ini bertujuan menyuntik pemanduan modal untuk meningkatkan produktiviti, kualiti dan daya saing pengusaha tempatan ke pasaran global.

Jabatan Pertanian menjemput seluruh rakyat Malaysia dan pengunjung MAHA 2026 untuk hadir menghayati keindahan serta meneroka Laman Florikultur “Magica Garden” sepanjang penganjuran MAHA 2026.

###

**JABATAN PERTANIAN**

**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)**

